

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]
TARIKH ; 11 JUN 2014 (RABU)
SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazlan bin Nik Mohamad minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kedudukan semasa tentang bekalan air ke jelapang padi KADA. Apakah kedudukan "*barrage*" yang telah dibina untuk menaikkan paras air di Sungai Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bekalan air ke jelapang padi KADA adalah melalui Skim Pengairan yang dapat membekalkan air ke sawah padi melalui operasi gumbaan (sedutan) air daripada sungai ke sistem saliran dengan menggunakan pam-pam yang terdapat di Rumah Pam Kemubu. Pada masa kini, bekalan air dapat dibekalkan ke kawasan tanaman padi memandangkan paras air di muka sauk Rumah Pam adalah melebihi 4.5 meter iaitu melepasi paras kritikal yang membolehkan pam tersebut beroperasi.

Bagi mengekalkan paras air yang diperlukan, Kerajaan sedang membina empangan rendah (Low Weir) di Sungai Kelantan (Kg. Kasar, Pasir Mas) dengan kos RM 39 Juta dibawah RMK 10. Projek ini telah siap sebanyak 13% dan dijangka beroperasi pada tahun 2015 bertujuan untuk mengatasi masalah bekalan air bagi jangkamasa sederhana. Bagi mengatasi masalah bekalan air dalam jangkamasa panjang pula, Kerajaan telah merancang pembinaan empangan rendah (Low Weir) di Sungai Kelantan (Kg. Kemubu) dengan anggaran kos RM40 juta di bawah RMK 11.

Buat masa ini, pihak Kerajaan sedang meneliti cadangan pembinaan "*barrage*" dalam usaha untuk meningkatkan paras air di Sungai Kelantan.